

UPM meterai MoA dengan Universiti Chulalongkorn

MoA UPM - Universiti Chulalongkorn

- Lima kakitangan dan 10 pelajar akan terbabit dalam program pertukaran.
- **Pertukaran** pelajar dan kakitangan membabitkan tempoh selama satu semester.

Serdang Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Universiti Chulalongkorn, Thailand, bagi menggalakkan program pertukaran akademik antara kedua-dua pihak.

Pemeteraian MoA itu disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM, Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, dan Dekan Fakulti Sains, Universiti Chulalongkorn, Prof Madya Dr Polkit Sangvanich, pada majlis berlangsung di sini,

baru-baru ini.

Faedah MoA itu merangkumi pertukaran kakitangan akademik dan pelajar, termasuk pada peringkat ijazah sarjana muda dan pascasiswazah; pembangunan program pengajian di luar negara; serta penyeliaan bersama penuntut pascasiswazah.


Bina jaringan

Prof Mad Nasir berkata, langkah itu juga bertujuan mendedahkan pelajar kepada budaya dan persekitaran pembelajaran di luar negara.

“Program pertukaran

dapat menjadikan pelajar lebih bersedia dengan pendedahan globalisasi. Kita juga berharap pelajar akan mendapat pemindahan kredit jika menyambung pengajian di sana (Universiti Chulalongkorn), sekali gus tidak menjejaskan mereka untuk bergraduasi,” katanya.

Beliau berkata, pertukaran kakitangan akademik pula bertujuan membina jaringan antara penyelidik kedua-dua universiti terbabit, khususnya dalam bidang berkaitan bioteknologi.



Prof Mad Nasir (kiri) dan Dr Sangvanich meneliti dokumen MoA.



Prof Mad Nasir menyaksikan Dr Sangvanich menandatangani dokumen MoA.